



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000
Faks (Fax) : 603 6206 4693
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my
E-mel (E-mail) : webmiti@miti.gov.my

Ruj. Kami : MITI.100-1/8/1 JLD.2 (49)
Tarikh : 9 Mac 2020

PUSAT TANGGUNGJAWAB

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

**SURAT EDARAN BILANGAN 4 TAHUN 2020:
TANGGUNGJAWAB MELULUS PERMOHONAN PEMUSNAHAN REKOD
SERTA TUGAS LAIN BERKAITAN PENGURUSAN DOKUMEN KEWANGAN
DAN PERAKAUNAN PUSAT TANGGUNGJAWAB**

1. TUJUAN

Surat Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) mengenai pelaksanaan tanggungjawab melulus permohonan pemusnahan rekod serta tugas lain berkaitan pengurusan dokumen kewangan dan perakaunan Pusat Tanggungjawab selaras dengan surat Ketua Akauntan Negara, rujukan: JANM.BPAD.600-18/1/1(25) bertarikh 28 Februari 2020.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada masa ini tanggungjawab melulus permohonan pemusnahan rekod serta tugas lain berkaitan pengurusan dokumen kewangan dan perakaunan PTJ adalah di bawah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

- 2.2. Dalam usaha untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan, JANM telah menurunkan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh BPAD kepada Bahagian Akaun Kementerian.
- 2.3. Pelaksanaan ini akan memberi kemudahan kepada PTJ untuk menjalankan urusan berkaitan permohonan pemusnahan rekod serta tugas lain berkaitan pengurusan dokumen kewangan dan perakaunan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 150 dan AP 299.

3. PELAKSANAAN

- 3.1. Pelaksanaan tanggungjawab melulus permohonan pemusnahan rekod serta tugas lain berkaitan pengurusan dokumen kewangan dan perakaunan PTJ adalah di bawah tanggungjawab BA MITI bermula pada **1 April 2020**.
- 3.2. Tanggungjawab ini meliputi tugas-tugas seperti berikut:
 - a. Kelulusan pemusnahan dokumen berdasarkan permohonan;
 - b. Pengauditan stor rekod kewangan dan perakaunan; dan
 - c. Mengadakan taklimat/bengkel bagi meningkatkan kesedaran di kalangan PTJ.

4. PENUTUP


- 4.1. PTJ juga perlulah memastikan semua prosedur dan peraturan berkaitan pengurusan dokumen kewangan dan perakaunan yang berkuat kuasa dipatuhi.

- 4.2. Sebarang pertanyaan berkaitan surat edaran ini boleh menghubungi pegawai-pegawai di Seksyen Perundingan dan Pemantauan, Bahagian Akaun MITI di talian 03-6208 4901/4920/4906/4912 atau emel kepada perunding.akaun@miti.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Mohd Azizi Bin Mohd Aspar', written over a horizontal line.

MOHD AZIZI BIN MOHD ASPAR C.A.(M), CPA (AUST.)

s.k :

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Audit Dalam

SENARAI EDARAN

1. Encik Kalithasan a/l Kaliappan
Pengarah
Bahagian Kewangan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri
Aras 24, Menara MITI, No. 7
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur

2. En. Shaharul Sadri Bin Alwi
Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia
Aras 4-7, Tower 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan



AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Accountant General's Department Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8862 1000
Faks : 603-8889 6231
Laman Web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.BPAD.600-18/1/1 (25)

Tarikh : 28 Februari 2020

Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan,

**TANGGUNGJAWAB MELULUS PERMOHONAN PEMUSNAHAN REKOD SERTA
TUGAS LAIN BERKAITAN PENGURUSAN DOKUMEN KEWANGAN DAN
PERAKAUNAN PUSAT TANGGUNGJAWAB.**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sentiasa berusaha untuk memperingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Selaras dengan itu fungsi Bahagian JANM, Bahagian Akaun Kementerian (BA) dan JANM Negeri/Cawangan akan disusun semula mengikut keperluan dan kesesuaian dari masa ke semasa.

3. Mulai 1 April 2020 BA dan JANM Negeri/Cawangan adalah bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan pemusnahan rekod serta tugas lain berkaitan dengan pengurusan dokumen kewangan dan perakaunan pusat tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan pejabat perakaunan masing-masing. Ini akan memudahkan PTJ menjalankan urusan dengan pejabat perakaunan.

4. Sehubungan dengan itu, BPAD akan memberikan taklimat mengenai maklumat pemindahan fungsi tersebut dalam Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bil. 1/2020 dan Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2020. Bersama-sama ini, disertakan nota taklimat untuk rujukan serta perancangan tuan.

5. Adalah diharapkan pihak tuan akan memberikan sepenuh kerjasama di dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Sebarang pertanyaan pihak tuan adalah diminta untuk menghubungi Puan Hamidah Binti Noh di talian 03-8886 9501 atau Encik Mohd Hisyamuddin Bin Awang Bakar di talian 03-8886 9503.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


DATUK DR. JACOB BIN MUSTAFA C.A(M)
Akauntan Negara Malaysia